

PM - BERTINDAK

1985

JITRA, 11 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMED HARI INI MENASIHATI ANGGOTA-ANGGOTA UMNO JANGAN BERTINDAK BALAS TERHADAP GOLONGAN YANG MENUDUH MEREKA KAFIR ATAU TARAF KEISLAMAN MEREKA LEBIH RENDAH DARIPADA GOLONGAN YANG BERKENAAN.

KATANYA SEBAGAI ORANG ISLAM YANG MENGHAYATI AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK HARUS BERTINDAK LIAR TERHADAP MEREKA YANG MENUDUH MEREKA KAFIR.

+SEBALIKNYA SETIAP ANGGOTA UMNO HARUS MENEMUI GOLONGAN ITU DAN MENGAJAK MEREKA KEMBALI KEPADA JALAN ISLAM YANG SEBENARNYA, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI JENAN DEKAT SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA WALAUPUN GOLONGAN YANG MENUDUH MEREKA KAFIR TIDAK MAHU MENGHADIRI PERJUMPAAN UMNO, NAMUN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI HARUSLAH BERUSAHA Mencari JALAN MENEMUI MEREKA.

MENURUT BELIAU, PERJUANGAN UMNO BUKAN SEMATA-MATA UNTUK ANGGOTA PARTI SAHAJA MALAHAN MERUPAKAN PERJUANGAN SELURUH ORANG MELAYU DAN ISLAM. -- LAGI.

1354MST 11 05 85

PM - BERTINDAK 2 JITRA

KATANYA UMNO HARUS DIKERALKAN, WALAUPUN TIDAK UNTUK SELAMA-LAMANYA TETAPI SEKURANG-KURANGNYA SEHINGGA ORANG MELAYU DAN ISLAM DAPAT BERDIKARI DALAM SEMUA BIDANG.

MENGENAI REBUTAN PUCUK PIMPINAN YANG SEDANG BERLAKU DALAM PERINGKAT BAHAGIAN UMNO SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATI MEREKA YANG BERTANDING SUPAYA BERTANDING DAN BERKEMPEN SECARA DEMOKRATIK.

KATANYA MEREKA JANGAN TERLALU GHAIRAH UNTUK BERTANDING DAN INGIN MENJADI KETUA SAMPAI SANGGUP MELAKUKAN SESUATU YANG KETERLALUAN SEHINGGA MENJEJASKAN PERPADUAN ANGGOTA DAN PARTI.

+TIDAK ADA GUNANYA KITA MENJADI PEMIMPIN JIKA SEBAHAGIAN SAHAJA ANGGOTA YANG MENYOKONG KITA DISEBABKAN OLEH PERTANDINGAN SENGIT DALAM KEMPEN MEREbut PIMPINAN ITU.

+TUJUAN KITA MEMIMPIN IALAH KERANA ADA ORANG DI BELAKANG KITA DAN BUKANNYA MEMIMPIN BESEBUAH PERTUBUHAN ATAU BAHAGIAN UMNO YANG BERPECAH BELAH.

DARIPADA SEGI POLITIK, TIDAK ADA HARUS SELENGKAP. KORBAN
PENIRIPIN JIKA GADUK YANG DIPINDINGNYA TIDAK BERTAKUT DAN BERKORBAN
SEBAMA SEBANYAK TERAKHIR, -- LAILI,
1401MST 11 05 85

B B589 AAB

PM - BERTINDAK 3 JITRA

PERDANA MENTERI MENYERU RAKYAT SUPAYA SANGGUP BERKORBAN UNTUK
MENCAPAI KEBAHAGIAAN MASA DEPAN.

BELIAU MEMBERI CONTOH BETAPA RAKYAT KOREA SELATAN 20 TAHUN LALU
HIDUP DALAM PENDERITAAN DAN SANGGUP MENGEKSORT BERAS BERMUTU
SEDANGKAN MEMAKAN BERAS YANG BERMUTU RENDAH UNTUK MEMAKMURKAN NEGARA
MEREKA.

+TETAPI HASIL PENGORBANAN DAN KERJA KERAS, RAKYAT NEGARA ITU
BUKAN SAHAJA TIDAK LAGI MAKAN BERAS BERMUTU RENDAH BAHKAN MEREKA
MAMPU MEMBELI BERAS BERMUTU TINGGI DARI NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK
KEPERLUAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP SIKAP SANGGUP BERKORBAN YANG DIANJURKAN OLEH
ISLAM SEPERTI MELAKUKAN KORBAN SEMASA SAMBUTAN HARI RAYA HAJI,
DIPERLUASKAN PENGERTIAN DAN AMALANNYA KEPADA PENGORBANAN UNTUK
BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

KEADAAN INI BERLAKU BUKANLAH KERANA ISLAM ITU TIDAK BAIK TETAPI
KESILAPAN YANG DILAKUKAN OLEH PENGANUT AGAMA ITU SENDIRI, KATANYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH MENGAPAKAH ISRAEL TIDAK DAPAT DITUNDUKKAN
OLEH NEGARA-NEGARA ISLAM, BUKAN KERANA KESALAHAN ISLAM TETAPI KERANA
SIKAP NEGARA-NEGARA ISLAM ITU SENDIRI YANG BANYAK BERCAKAP UNTUK
PERPADUAN, TETAPI TIDAK DARIPADA SEGI AMALANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK PADUKA HAJI
OSMAN AROFF DAN ANGGOTA EXCO NEGERI, HAJI HANAFI RAMLI DIPILIH
SEMULA TANPA BERTANDING SEBAGAI KETUA, TIMBALAN KETUA DAN NAIB KETUA
BAHAGIAN ITU.-- BERNAMA.

1412MST 11 05 85